Publication: Berita Harian, Pg 15

Date: 14 June 2018

Headline: Two national athletes to compete at World Championship in Denmark

SUKAN LAYAR

Dua atlit negara bersaing di Kejuaraan Dunia di Denmark



SUKAN KAPAL LAYAR: Pelayar Kimberly Lim (kanan) dan Cecilia Low akan menyertai Sukan Asia di Indonesia Ogos ini, kurang seminggu selepas menyertai Kejuaraan Dunia di Denmark. – Foto BH oleh LEE JIA WEN

BELIAU lebih tua dan tinggi, serta mengemudi kapal layarnya mengikut rasa hati.

Namun bagi rakan sepasukan Cecilia Low, iaitu Kimberly Lim, beliau lima tahun lebih muda, lima sentimeter lebih pendek serta lebih suka mengemudi kapal layar berdasarkan maklumat berbanding rasa hati

Kekuatan dan personaliti kedua-dua pelayar itu mungkin jauh berbeza tetapi mereka mempunyai matlamat yang sama – iaitu kemenangan dalam Sukan Olimpik.

Sejak bergandingan bagi kelas pelayaran 49erFX tiga tahun lalu, mereka telah menangguhkan pengajian universiti mereka dan berpindah ke Eropah untuk berlatih dan bertanding.

Mereka tinggal di Portugal sejak lima bulan lalu dan berlatih di bawah bimbingan Fernando Kuo dari negara itu.

Low, 27 tahun, memberitahu akhbar *The Straits Times* bahawa semasa pertandingan, beliau akan pergi ke tempat pertandingan itu untuk merasa dan mengingat arah angin di sana.

"Saya selalunya tak menulis nota dan tak ada apa untuk merujuk kembali. Beliau (Lim) selalu periksa... beliau mengikut maklumat dan saya pula mengikut rasa hati," ujarnya.

Lim yang bakal menyambut ulang tahunnya yang ke-22 Ogos ini tekun mengisi dokumen dalam komputernya yang beliau gunakan untuk menjejak dan menganalisa kemajuan beliau dan Low di pertandingan.

Pendekatan berbeza mereka itu menjadikan kerjasama mereka berkesan, kata Lim yang kini menangguhkan pengajiannya dalam bidang perakaunan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

"Keutamaan saya (dalam pertandingan) ialah untuk memastikan bot itu menuju ke arah yang betul. Keutamaan beliau (Low) pula ialah untuk memastikan bot dapat bergerak selaju mungkin. Beginilah cara untuk menang dalam pertandingan," katanya.

Bagaimanapun, perjalanan mereka tidak selalu lancar. Kegagalan untuk layak menyertai Sukan Olimpik Rio pada 2016 merupakan antara pengalaman yang paling memedihkan bagi pasangan itu.

"Namun di fikiran kami... kami masih mahukannya, itu yang paling penting. Kami meneruskan usaha, terus berlatih," ujar Lim.

Lim dan Low bukan sahaja ingin menyertai Sukan Olimpik 2020 di Tokyo tetapi juga ingin menjadi pelayar Singapura pertama untuk layak menyertai perlumbaan pingat, yang menampilkan 10 pasukan terbaik

Mereka akan bertanding dalam Kejuaraan Dunia di Arhus, Denmark, yang berlangsung dari 4 hingga 12 Ogos sebelum ke Indonesia bagi menyertai Sukan Asia yang bermula pada 18 Ogos.